

SOALAN NO. 310

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM]**

**TARIKH : 24 / 7 / 2017 [ ISNIN ]**

**SOALAN :**

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah tindakan dan strategi yang sedang diambil oleh Kementerian bagi menghadapi Malaysia Negara Tua menjelang 2030.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Berasaskan unjuran yang dibuat oleh **Jabatan Perangkaan Malaysia**, negara kita dijangka mencapai **status negara tua** pada tahun **2030** dengan jumlah warga emas seramai **5.80 juta orang** atau **15.3%** daripada jumlah penduduk Malaysia.

Pelbagai tindakan dan inisiatif telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama kementerian/agensi lain dalam persediaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif dan produktif bagi meningkatkan kesejahteraan hidup dan menyumbang kepada pembangunan negara. Antara inisiatif utama adalah seperti berikut:

- (1) **Kaji Semula Dasar dan Pelan Tindakan:** Bagi memastikan Dasar dan Pelan Tindakan untuk warga emas kekal relevan dan selaras dengan perubahan semasa, KPWKM mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar dan Pelan Tindakan tersebut. Dasar Warga Tua Negara (1995) diganti dengan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (2011-2020) dan KPWKM juga sedang mengkaji semula Dasar dan Pelan Tindakan sedia ada bagi menetapkan semula KPI dan sasaran dengan mengambil kira pencapaian semasa program/tindakan serta keperluan kemudahan dan perkhidmatan warga emas menjelang tahun 2030.
  
- (2) **Penubuhan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara:** Majlis ini berperanan untuk merancang dan memantau pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Struktur dan mekanisme pelaporan serta pemantauan di setiap peringkat akan diperkukuh dari semasa ke semasa bagi memastikan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dilaksanakan secara berkesan.
  
- (3) **Promosi dan Advokasi:** Program untuk meningkatkan kesedaran terhadap isu penuaan dan mengukuhkan hubungan di kalangan

warga emas juga dilaksanakan dan dipromosikan melalui pelbagai saluran.

- (4) **Pemeriksaan Program Berasaskan Komuniti:** Menyedari hakikat bahawa kos tanggungan kerajaan untuk penjagaan sosial dan kesihatan akan semakin meningkat dengan penambahan bilangan warga emas, Kerajaan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam menjamin kesejahteraan warga emas dan menggalakkan penuaan setempat. KPWKM telah berkolaborasi dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan memperkasa program kesukarelawan dalam menyediakan pelbagai program dan perkhidmatan seperti penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), program pengangkutan Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan Program *Home Help Services*. Selain itu, bantuan kewangan juga diberi kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menjalankan pusat jagaan warga emas yang didaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.
- (5) **Penjagaan Institusi dan Bantuan:** KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan kebajikan dan kewangan seperti Bantuan

Orang Tua (BOT) dan penjagaan warga emas di institusi yang ditubuhkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan.

- (6) **Pembelajaran Sepanjang Hayat:** Bagi menggalakkan warga emas untuk kekal aktif dan produktif serta menyumbang ke sosial dan ekonomi negara, pembelajaran sepanjang hayat dipromosikan di kalangan warga emas sejak Rancangan Malaysia Ke-Sembilan di mana *University of Third Age (U3A)* telah ditubuhkan di bawah seliaan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia pada tahun 2008. Peningkatan penglibatan warga emas dalam pekerjaan juga dapat mengurangkan kebergantungan ekonomi di kalangan warga emas.
- (7) **Keselamatan dan Perlindungan:** Jemaah Menteri pada 28 Oktober 2016 telah bersetuju untuk menubuhkan Badan Induk Penyelarasan Dasar dan Pelaksanaan Program Perlindungan Sosial Secara Bersepadu Bagi Memperkasakan Sistem Perlindungan Sosial Negara. Inisiatif yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi, termasuk KPWKM ini bertujuan untuk mewujudkan satu Sistem Perlindungan Sosial yang komprehensif

dan bersepadu bagi memenuhi keperluan serta melindungi kumpulan isi rumah yang mudah terjejas termasuk warga emas.

- (8) **Penyelidikan dan Pembangunan: Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia** telah menyiapkan Kajian terkini bertajuk “Kemudahan dan Perkhidmatan Bagi Menepati Keperluan Warga Emas Di Malaysia Menjelang 2030” pada 27 Januari 2017 dan cadangan Pelan Tindakan hasil daripada kajian ini sedang diselaras dengan Pelan Tindakan Warga Emas yang sedia ada.
- (9) **Perumahan dan Persekitaran:** KPWKM juga bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam memastikan perumahan dan persekitaran yang mesra warga emas.
- (10) **Kesihatan:** Isu kesihatan perlu ditangani dari awal. Sehubungan itu, pendekatan *life course* adalah ditekankan iaitu mengamalkan pemakanan yang sihat dan kehidupan yang aktif sejak muda.
- (11) **Perundangan:** Setakat ini, tiada akta khusus bagi penjagaan warga emas di Malaysia. Sehubungan itu, satu Rang Undang-Undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga

Emas Swasta akan dibentangkan di Parlimen bagi memastikan kualiti minimum penjagaan kesihatan warga emas dengan menetapkan piawaian jagaan.

- (12) **Komitmen Antarabangsa:** KPWKM juga bekerjasama dengan negara serantau memandangkan isu penuaan juga dihadapi oleh negara lain terutamanya di negara ASEAN. Komitmen seperti *Kuala Lumpur Declaration on Ageing: Empowering Older Persons in ASEAN* yang telah dipersetujui pada tahun 2015 membolehkan Malaysia berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam isu ini.

KPWKM yakin bahawa Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan segala inisiatif yang dinyatakan di atas merupakan satu bentuk rancangan rapi dalam merencana peningkatan kualiti hidup warga emas bukan sahaja daripada aspek kesihatan, sosial dan ekonomi malah ia turut merangkumi semua aspek berkaitan warga emas. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara ini bergantung kepada komitmen dan sokongan pelbagai pihak iaitu Kerajaan, swasta dan NGO.